



KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL  
KEBANGSAAN MALAYSIA

2004-2015

# Pelan Strategik

LG  
173  
.M44  
.P45  
2004  
a

*Kompetensi Teras Kegemilangan*

LG173.M44 .P45 2004



0000006834



**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MALAYSIA MELAKA



**KANDUNGAN**

VISI & MISI	1
OBJEKTIF	2
DASAR KUALITI	3
NILAI PERPANDU	4
ANALISIS SENARIO	5
TERAS STRATEGIK	10
OBJEKTIF DAN SASARAN	13
PELAN TINDAKAN	25

**PRAKATA**

**Rektor**  
**Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia**



**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera**

Syukur Alhamdulillah, di atas kejayaan KUTKM menghasilkan dokumen Pelan Strategik KUTKM 2004-2015. Dokumen ini dihasilkan melalui usaha kolektif oleh semua warga KUTKM di atas kesedaran akan cabaran-cabaran yang perlu ditempuh dalam persaingan yang sangat kompetitif. Pelan Strategik menjadi rangka kerja utama kepada hala tuju universiti mencapai misi dan visinya.

Usaha menghasilkan dokumen ini dijalankan melalui beberapa siri bengkel dan perbincangan dalam kumpulan yang besar dan kecil melibatkan penyertaan semua unit operasi. Penglibatan ini memperlihatkan komitmen warga KUTKM yang bersatu dan berusaha membawa KUTKM ke tahap kecemerlangan melalui strategi yang digariskan di dalam dokumen Pelan Strategik ini.

Saya berharap Pelan Strategik ini dapat menjadi bahan rujukan yang penting kepada seluruh warga KUTKM dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Penilaian dan semakan semula kepada tindakan dan sasaran yang telah ditetapkan perlu dilakukan untuk melihat pencapaiannya dan membuat pembaikan yang perlu. Ini disokong oleh pemantauan kepada perubahan faktor-faktor dalaman dan luaran untuk memastikan Pelan Strategik ini sentiasa relevan dan berkesan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan Pelan Strategik KUTKM 2004-2015. Universiti amat menghargai dan berharap sumbangan dan komitmen yang diberikan dapat diteruskan dan ditingkatkan. Saya berharap Pelan Strategik ini akan memantapkan hala tuju KUTKM untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

Sekian, terima kasih

**Y.Bhg. Datuk Prof. Ismail Bin Hassan**

# Misi KUTKM

**M**enjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.



**M**elahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan universiti teknikal berkualiti dan bertaraf dunia berteraskan **pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan** berorientasikan aplikasi serta perkongsian pintar universiti-industri sejajar dengan aspirasi negara.

KUTKM telah menetapkan objektif-objektif yang perlu dicapai seperti yang berikut:

- Menjadi sebuah organisasi pembelajaran dan keilmuan.
- Memainkan peranan berkesan sebagai penggerak kepada pembangunan perindustrian negara.
- Melahirkan graduan yang kompeten dan bersahsiah murni yang menjadi pilihan utama industri.
- Menawarkan kursus-kursus profesional, multi dan inter-disiplin berorientasikan aplikasi.
- Menyediakan kurikulum yang mencerminkan semua dimensi disiplin yang menggalakkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kerja berpasukan dan kemasyarakatan.
- Mempunyai staf yang kompeten dan berkelayakan tinggi serta memiliki pengalaman praktikal yang luas.
- Menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan perundingan berlandaskan penyelesaian masalah industri.
- Mengadakan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif untuk :
  - Pengajaran dan pembelajaran secara berorientasikan aplikasi dan amalan
  - Perhubungan dan kerjasama universiti-industri
  - Pembangunan penyelidikan gunaan
  - Latihan Industri secara dalaman
  - Perundingan dan pendidikan berterusan
  - Persekitaran kerja yang endah dan mesra
- Mengadakan perkongsian pintar universiti-industri dalam:
  - Pengajaran dan pembelajaran
  - Pembangunan kursus dan makmal
  - Penyelidikan, pembangunan dan perundingan
  - Inkubator dan kilang pengajaran
  - Latihan Industri

**4 DASAR KUALITI KUTKM**

**S**emua warga KUTKM beriltizam memberi perkhidmatan, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan masyarakat yang berkualiti dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan.

**UTeM**

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 5 NILAI PERPANDU

**M**oto Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, iaitu Kompetensi Teras Kegemilangan, benar-benar menggambarkan hasrat universiti untuk muncul sebagai salah sebuah universiti terkemuka di dunia. Kompeten membawa maksud kecemerlangan sedangkan kompetensi ialah keupayaan atau kemampuan. Manakala kegemilangan pula ditakrifkan sebagai kesudahan kepada setiap kecemerlangan.

**B**agi KUTKM, kompetensi bukan saja bermaksud keupayaan atau kemampuan, malah berdasarkan kecemerlangan yang ada, graduan diharap berupaya membuat keputusan dengan tepat. Oleh sebab kompeten atau kecemerlangan dalam pendidikan belum boleh menjamin peluang pekerjaan pada masa depan, pelajar perlu melengkapkan diri dengan pelbagai disiplin dan kepakaran untuk membolehkan mereka menceburi bidang lain di samping berupaya menyesuaikan diri dengan apa keadaan sekalipun.

## Pengenalan

**K**olej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) adalah universiti teknikal pertama ditubuhkan dengan mengamalkan pendidikan berorientasikan aplikasi dan amalan. Penubuhannya bertujuan melahirkan ahli profesional khususnya jurutera yang berkemahiran, bukan saja dalam akademik malah mampu menyesuaikan diri dengan apa jua situasi yang dihadapi.

Matlamat untuk menjadi salah sebuah institusi terkemuka di dunia, bukanlah semudah yang dirancang. Oleh itu, setiap perancangan hendaklah dipastikan dilaksanakan secara teratur supaya graduan yang dikeluarkan kelak, juga adalah yang terbaik. Segala cabaran yang datang, perlu ditangani dengan berkesan dengan harapan kita tidak tersasar daripada hala tuju yang sudah ditetapkan.

Untuk menjadi institusi pilihan utama pelajar, KUTKM seharusnya bersedia menangani cabaran luaran dan dalaman yang ada, khususnya saingan sengit daripada IPTA dan IPTS. Untuk itu KUTKM memerlukan sesuatu kelebihan yang boleh dijadikan asas kukuh bagi menonjolkan diri sebagai universiti teknikal perdana di kalangan IPTA serta IPTS serta berkeupayaan dan bersedia menampung bilangan 10,000 pelajar menjelang 2010 kepada 15,000 pelajar pada tahun 2015.

Seperti IPTA yang lain, KUTKM juga mempunyai matlamat dan secara proaktif telah menetapkan agendanya sendiri. Untuk mencapai agenda berkenaan, KUTKM telah menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan halangan yang dihadapi pada masa kini dan kemungkinan berlaku pada masa hadapan serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Pelan strategi jangka panjang KUTKM yang mengandungi sasaran dan tindakan universiti dari 2004 hingga 2015, dimulakan pada 2003 berpandukan kenyataan misi dan visi. Penyediaan pelan strategi ini turut membabitkan pegawai pengurusan peringkat atasan dan pertengahan.

Beberapa siri bengkel dan perbincangan telah diadakan dengan mengambil kira beberapa aspek utama, seperti dasar kerajaan dan jangkaan masa depan yang boleh memberi kesan kepada KUTKM. Hasilnya satu pelan strategi telah diterbitkan bagi memandu fakulti, bahagian dan pihak pengurusan universiti ini dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih berkesan.



## 6.1 Cabaran luaran

### 6.1.1 Kualiti pendidikan

Kualiti pendidikan yang ditawarkan serta keberkesanan kos institusi pendidikan tinggi, sebenarnya menjadi faktor penentu kejayaan sesebuah universiti. Dalam hal ini, KUTKM sewajarnya bersedia menawarkan program pengajian teknikal dan program akademik terbaik untuk pelajar. Sistem pembelajaran yang ditawarkan, mestilah mampu melahirkan graduan yang boleh menerajui kepimpinan organisasi dan industri pada masa depan.

### 6.1.2 Mengaplikasi sepenuhnya ICT

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh KUTKM. Kegagalan menghadapi gelombang ICT boleh menjadi ancaman dan menggugat daya saing dengan universiti lain, terutama yang menawarkan program jarak jauh atau pengajaran dan pembelajaran secara maya. Dalam hal ini, ICT membolehkan pelaksanaan proses tranformasi berlaku secara menyeluruh terhadap semua proses utama. Justeru, KUTKM perlu mengaplikasikan sepenuhnya penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran, termasuk meningkatkan kemampuan mengakses secara global.

### 6.1.3 Pembelajaran sepanjang hayat

Indikator k-ekonomi semasa menunjukkan permintaan terhadap program pendidikan tinggi dan latihan dalam bidang teknikal, akan meningkat pada masa depan. Justeru, KUTKM perlu bersedia menghadapi senario ini dengan menawarkan beberapa program perkhidmatan profesional berterusan yang dapat memenuhi keperluan tenaga kerja. Pendidikan yang berterusan kini dilihat menjadi pilihan oleh pekerja industri dan sektor awam untuk menimba lebih banyak pengetahuan dalam disiplin masing-masing.

### 6.1.4 Reputasi dan Prestasi

Selain berkeupayaan melahirkan graduan berkualiti, reputasi sesebuah universiti turut diukur daripada jumlah dan kualiti penyelidikan yang dilakukan. Keupayaan melaksanakan pelbagai jenis penyelidikan, terutama yang membabitkan bidang baru, seperti nano-teknologi, boleh menjadi kekuatan kepada KUTKM.

Penekanan harus diberikan dalam menggalak dan mengeksploitasi kepakaran penyelidik universiti dalam menjana penemuan yang terkehadapan. Langkah ini membolehkan KUTKM muncul sebagai salah sebuah universiti penyelidikan yang unggul dalam pengkhususan tertentu.

## 6.2 Cabaran dalaman

Sebagai universiti teknikal pertama di negara ini yang bermula dari sifar, penubuhan KUTKM dianggap unik berbanding universiti awam lain kerana tumpuan diberikan kepada pendekatan aplikasi dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran serta kerjasama dengan sektor industri.

### 6.2.1 Jalinan penyelidikan

Kepesatan perkembangan industri memungkinkan sektor perkilangan tumbuh dengan begitu cepat. Pihak industri bersedia melabur bagi menjalankan penyelidikan yang boleh dikomersialkan. Selain itu, pihak industri juga memerlukan maklumat berkaitan teknologi terkini yang boleh diguna pakai bagi meningkatkan produktiviti.

Kecemerlangan sesebuah universiti dilihat daripada keupayaan menghasilkan penyelidikan yang bermanfaat kepada masyarakat sejagat. Sehubungan itu, staf akademik mesti berupaya menjalankan penyelidikan dan pembangunan dari semasa ke semasa dan boleh dimanfaatkan terutama kepada pihak industri.

### 6.2.2 Sumber tenaga manusia berkualiti

Jabatan Pendidikan Tinggi sudahpun menetapkan sasaran yang perlu dicapai oleh semua IPTA dari aspek tenaga pengajar yang memiliki Ph.D. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan sumber manusia dengan kerjasama fakulti dan pusat, merancang dengan cara yang sistematik untuk mencapai sasaran tersebut. Ini amat penting kerana salah satu aspek yang diambil kira dalam penjaminan kualiti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah mengenai perkara ini.

### 6.2.3 Sistem pembelajaran berkesan

Berdasarkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), bilangan jurutera terlatih akan meningkat 137,200 jawatan dalam tempoh 2000 – 2010. Sejumlah 122,650 jurutera akan dihasilkan oleh IPTA manakala selebihnya oleh IPTS. Sebagai IPTA, KUTKM tidak seharusnya menghasilkan jurutera saja, malah yang lebih penting ialah mengeluarkan jurutera profesional yang berkemahiran dan berkesan. Ini bagi memenuhi kehendak industri yang memerlukan tenaga jurutera yang terlatih, kreatif dan inovatif.

Justeru, KUTKM perlu memastikan kaedah pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan, menepati kehendak pasaran di samping mengambil kira faedah daripada latihan industri yang dijalani oleh pelajar.

### 6.2.4 Menjana ekonomi negara

Kemajuan sesebuah negara adalah diukur dengan jumlah industri kecil sederhana (IKS) yang dimiliki. Di Jepun misalnya, IKS membentuk 99.7 peratus dari keseluruhan organisasi pekerjaan serta menyediakan 69.5 peratus peluang pekerjaan di sana. Oleh itu, jika KUTKM turut mampu menghasilkan graduan yang mempunyai kecenderungan dalam keusahawanan, sudah tentu ekonomi negara dapat dijana sepenuhnya melalui kegiatan inovasi dan perusahaan baru.

Berdasarkan kepada permintaan itu, ia menjadi satu cabaran kepada KUTKM bagi memenuhi perancangan kerajaan untuk mengeluarkan graduan yang bukan saja pakar dalam bidang masing-masing, malah turut berupaya menggunakan kepakaran itu untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan

### 6.2.5 Pengurangan pembiayaan pendidikan

Keputusan kerajaan untuk mengurangkan pembiayaan pendidikan kepada IPTA, turut memberi kesan kepada KUTKM. Dengan kata lain, setiap IPTA digalakkan mencari sumber kewangan sendiri bagi menampung sebahagian kos operasi masing-masing. Oleh itu, KUTKM perlu mengenal pasti bagaimana kepakaran dan kemudahan yang sedia ada, boleh dimanfaatkan atau mengoptimalkan sepenuhnya peruntukan yang diberi.

## 6.2.6 Infrastruktur dan kemudahan

Sebagai sebuah universiti teknikal yang mengutamakan kompetensi, KUTKM perlu menyediakan staf dan pelajarnya dengan infrastruktur dan kemudahan yang sesuai untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta perundingan. Kemudahan yang perlu dibangunkan memerlukan jumlah pelaburan yang besar bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga dari segi sumber manusia untuk memastikan kemudahan itu dapat dimanfaatkan secara optimum. Maka perancangan yang rapi perlu dilaksanakan supaya pembangunan infrastruktur dan kemudahan itu dibangunkan seiring dengan pertambahan staf dan pelajar.

Strategi yang dipaparkan ini dibina berdasarkan senario cabaran dalaman dan luaran, dan KUTKM menetapkan sasaran yang perlu dicapai mengikut sembilan objektif universiti sehingga 2015. Setiap sasaran mempunyai pelan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh unit-unit operasi. KUTKM akan mengukur pencapaian setiap sasaran berkenaan berdasarkan petunjuk prestasi dan dipantau secara berterusan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA  
UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES

Teras strategik KUTKM yang telah dikenal pasti untuk diberi fokus sepanjang tahun 2004-2005 :

- Pembangunan dan penyebaran modul e-learning di samping penggunaan IT yang menyeluruh dan intensif di dalam kedua-dua bidang akademik dan pengurusan.
- Pembangunan dan pemantapan Pusat Pembuatan Termaju (Advance Manufacturing Centre) melalui aktiviti perundingan teknologi pembuatan termaju dan "learning factory" bagi melahirkan graduan berorientasikan aplikasi.
- Penjanaan pendapatan melalui program eksekutif dengan memberi penumpuan dan memantapkan program sedia ada seperti penganjuran program latihan "energy efficiency" dan menyediakan khidmat nasihat dan latihan dalam perisian grafik komputer seperti SolidWorks dan CATIA.
- Mencapai kecemerlangan akademik melalui pengiktirafan proses pengajaran dan pembelajaran melalui persijilan MS ISO 9000.
- Menumpukan kepada usaha pembangunan sumber manusia dengan menyediakan Pelan Induk Sumber Manusia bagi mencapai sasaran 50% pemegang Ph.D menjelang 2010.



## OBJEKTIF 1

# MENJADI SEBUAH ORGANISASI PEMBELAJARAN DAN KEILMUAN

### SASARAN

1. Memastikan semua program akademik adalah berkualiti dan mendapat akreditasi serta pengiktirafan sebelum kumpulan pelajar pertama tamat pengajian.
2. Menjadi universiti pilihan utama untuk bidang teknikal dan kejuruteraan di Malaysia.
3. Mencapai kedudukan 50 universiti terbaik di rantau Asia menjelang 2015.
4. Mengurus universiti secara cekap dan kos efektif.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**OBJEKTIF 2****M**EMAINKAN PERANAN BERKESAN SEBAGAI PENGGERAK KEPADA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGARA**SASARAN**

1. Menyediakan program pendidikan berterusan untuk pembangunan sumber manusia di sektor industri dalam bidang termaju.
2. Menyebarkan penggunaan teknologi terbaik untuk industri Malaysia.
3. Menyumbang ke arah merangka dan menyebarkan polisi dan amalan yang merangsang sektor industri Malaysia.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



### OBJEKTIF 3

# MELAHIRKAN GRADUAN YANG KOMPETEN DAN BERSAHSIAH MURNI YANG MENJADI PILIHAN UTAMA INDUSTRI

## SASARAN

1. Melahirkan graduan bersahsiah murni yang memiliki sikap kepimpinan dan daya tahan.
2. Memastikan 100 peratus graduan sama ada mendapat pekerjaan, bekerja sendiri atau melanjutkan pelajaran dalam masa enam bulan selepas tamat pengajian.
3. Menghasilkan graduan-graduan yang menjadi pilihan utama syarikat multi nasional.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**OBJEKTIF 4****MENAWARKAN KURSUS-KURSUS PROFESIONAL, MULTI DAN INTER-DISIPLIN BERORIENTASIKAN APLIKASI****SASARAN**

1. Menawarkan program akademik yang paling memenuhi keperluan industri.
2. Menyediakan kemudahan amali setara dengan di industri di mana nisbah pelajar dengan kemudahan lebih baik dari piawaian yang ditetapkan.
3. 10 peratus pengajaran dikendalikan oleh ahli profesional dari industri menjelang 2006 dan 25 peratus menjelang 2010.
4. Menawarkan program profesional secara bersepadu dalam setiap program akademik.
5. Memastikan kebanyakan Projek Sarjana Muda dan Projek Ijazah Lanjutan berlandaskan penyelesaian masalah atau memenuhi keperluan industri.

## OBJEKTIF 5

**M**ENYEDIAKAN KURIKULUM YANG MENCERMINKAN SEMUA DIMENSI DISIPLIN YANG MENGGALAKKAN PEMIKIRAN KRITIS, PENYELESAIAN MASALAH, KERJA BERPASUKAN DAN KEMASYARAKATAN

### SASARAN

1. Menghasilkan profesional serba boleh dan belajar berterusan melalui program akademik.
2. Melahirkan graduan yang peka terhadap keperluan masyarakat progresif dan berpandangan positif serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan hasil daripada program kegiatan pelajar dan kokurikulum.
3. Terkenal sebagai institusi yang melahirkan tekno-usahawan yang berjaya di kalangan graduannya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**OBJEKTIF 6****MEMPUNYAI STAF YANG KOMPETEN BERKELAYAKAN TINGGI SERTA MEMILIKI PENGALAMAN PRAKTIKAL YANG LUAS****SASARAN**

1. Menjelang tahun 2010, 50 peratus kakitangan akademik KUTKM mempunyai Ph.D.
2. Semua kakitangan akademik menjadi ahli kumpulan profesional mereka.
3. 50 peratus pensyarah kejuruteraan mendapat status P.E. dalam masa 10 tahun berkhidmat di KUTKM.
4. Menyediakan kumpulan staf yang kompeten dan mempunyai kepakaran maksimum dalam bidang masing-masing sebelum mempelajari bidang lain bagi membangunkan universiti dalam jangka panjang.
5. Semua staf memberikan perkhidmatan berkualiti berfokuskan kepada pelanggan.

## OBJEKTIF 7

# MENERAJUI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (P&P) DAN PERUNDINGAN BERLANDASKAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI

### SASARAN

1. Menjelang 2010, 50 peratus tenaga akademik adalah penyelidik yang produktif.
2. Mewujudkan 10 pusat kecemerlangan penyelidikan dalam bidang teknikal termaju.
3. Membangunkan teknologi yang dapat dimanfaatkan oleh industri Malaysia melalui penyelidikan guna/ asas.
4. 10 peratus penyelidikan adalah melalui kerjasama atau dibiayai oleh agensi antarabangsa.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MALAYSIA  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**OBJEKTIF 8****M**ENGADAKAN INFRASTRUKTUR DAN PERSEKITARAN KONDUSIF UNTUK:

- Pengajaran dan pembelajaran secara berorientasikan aplikasi dan amalan
- Perhubungan dan kerjasama universiti-industri
- Pembangunan penyelidikan gunaan
- Latihan Industri secara dalaman
- Perundingan dan pendidikan secara berterusan
- Persekitaran kerja yang endah dan mesra

**SASARAN**

1. Melaksanakan sepenuhnya e-universiti pada tahun 2010 iaitu pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran dan kemudahan asas.
2. Mewujudkan kampus sejahtera dan mesra pelanggan menjelang 2008.
3. Menyediakan kemudahan-kemudahan yang membawa kepada budaya kerja positif.
4. Mewujudkan infrastruktur dan kemudahan yang membolehkan kerjasama dengan pihak industri.

## OBJEKTIF 9

# MENGADAKAN PERKONGSIAN PINTAR UNIVERSITI-INDUSTRI DALAM:

- Pengajaran dan pembelajaran
- Pembangunan kursus dan makmal
- Penyelidikan, pembangunan dan perundingan
- Inkubator dan kilang pengajaran
- Latihan industri

### SASARAN

1. Pendaftaran 10 paten harta intelek dan pengkomersialan 10 peratus daripada penemuan penyelidikan menjelang 2010.
2. Memastikan 30 peratus daripada geran penyelidikan disumbang oleh industri menjelang 2010.
3. Membangun serta melaksana secara kerjasama program latihan untuk industri bagi penjanaan pendapatan.
4. Menjana pendapatan dari penyelidikan dan perundingan berjumlah 5 peratus daripada belanja mengurus menjelang 2010.





# MENJADI SEBUAH ORGANISASI PEMBELAJARAN DAN KEILMUAN

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Memastikan kesemua program akademik adalah berkualiti dan mendapat akreditasi serta pengiktirafan sebelum kumpulan pelajar pertama tamat pengajian	TR ( A ), TR ( P&PK )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menenal pasti keperluan akreditasi dan pengiktirafan oleh JPA, EAC, ISO dan QA.</li> <li>- Penyediaan dokumen bagi tujuan akreditasi dan pengiktirafan.</li> <li>- Mendapatkan akreditasi dan pengiktirafan</li> </ul>	BJKA	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan program</li> <li>- Sijil ISO</li> <li>- Surat akuan</li> <li>- Pengiktirafan</li> <li>- Akreditasi</li> </ul>
2	Menjadi Universiti pilihan utama untuk bidang teknikal dan kejuruteraan di Malaysia	Rektor	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjalankan aktiviti promosi program akademik pada bakal pelajar.</li> <li>- Membuat penanda aras dengan universiti terkemuka</li> <li>- Meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.</li> <li>- Mewujudkan alumni yang aktif</li> </ul>	TR ( A ), TR ( P&PK ), BPKA	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan promosi</li> <li>- Peratus pilihan pertama UPU</li> <li>- Bilangan keahlian alumni.</li> <li>- Sumbangan alumni.</li> <li>- Penilaian prestasi pengajaran.</li> <li>- Bilangan anugerah penyelidikan</li> </ul>

bersambung di muka surat 26



# MENJADI SEBUAH ORGANISASI PEMBELAJARAN DAN KEILMUAN

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
3	Mencapai kedudukan 50 universiti terbaik di rantau Asia menjelang 2015.	Rektor	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menenal pasti kriteria penilaian.</li> <li>- Memastikan KUTKM mencapai kriteria penilaian</li> </ul>	TR ( A ), TR ( P&PK ), BPKA	2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>- kriteria penilaian</li> </ul>
4	Mengurus universiti secara cekap dan kos efektif.	Rektor	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengurus sumber secara optimum.</li> <li>- Menjalankan latihan pengurusan kewangan.</li> <li>- Mengadakan program untuk meningkatkan akauntabiliti kewangan dikalangan pegawai pengurusan universiti.</li> <li>- Menubuhkan KUTKM <i> Holding</i>.</li> </ul>	TR (P&PK), Pendaftar, Bendahari, Perpustakaan	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah pendapatan tahunan</li> <li>- Varian di antara belanjawan dengan jumlah sebenar</li> <li>- Jumlah aduan</li> <li>- Jam latihan setiap staf</li> <li>- Kos setiap pelajar</li> </ul>



OBJEKTIF 1

# MEMAINKAN PERANAN BERKESAN SEBAGAI PENGGERAK KEPADA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGARA

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Menyediakan program pendidikan berterusan untuk pembangunan sumber manusia di industri dalam bidang termaju.	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kenal pasti keperluan industri</li> <li>- Bangunkan kursus/program latihan</li> <li>- Dapatkan penglibatan industri</li> <li>- Pasarkan program kursus</li> <li>- Kendalikan secara terbaik</li> </ul>	UNIC, DEKAN Fakulti IPTK	2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan program</li> <li>- Bidang Pengkhususan</li> <li>- Pendapatan</li> </ul>
2	Menyebarkan penggunaan teknologi terbaik untuk industri Malaysia	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kenal pasti bidang berdaya maju serta keperluan industri Malaysia</li> <li>- Selidik perkembangan terkini</li> <li>- Sertai forum dan inisiatif yang berkenaan</li> <li>- Hebahkan dan kongsi dapatan serta status teknologi</li> </ul>	UNIC	2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Frekuensi Buletin</li> <li>- Langganan</li> <li>- Bilangan Semakan / Perbincangan</li> <li>- Bilangan Bengkel / Seminar</li> </ul>

*bersambung di muka surat 28*



**M**EMAINKAN PERANAN BERKESAN SEBAGAI PENGGERAK KEPADA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN NEGARA

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
3	Menyumbang ke arah merangka dan menyebarkan polisi dan amalan yang merangsang sektor industri Malaysia.	TR (A)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kenal pasti kedudukan polisi dan amalan yang berkualiti dalam industri teknikal.</li> <li>- Kenal pasti kepakaran dan agihkan</li> <li>- Selidik perkembangan terkini</li> <li>- Sertai forum dan inisiatif yang berkenaan</li> <li>- Majukan cadangan polisi dan amalan baru serta kesannya</li> <li>- Hebahkan polisi dan amalan sedia ada.</li> </ul>	IPTK	2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kertas polisi</li> <li>- Keahlian dalam badan pembentuk polisi</li> <li>- Penerbitan</li> <li>- Bengkel / Seminar / Latihan</li> </ul>



**M**ELAHIRKAN GRADUAN YANG KOMPETEN DAN BERSAHSIAH MURNI YANG MENJADI PILIHAN UTAMA INDUSTRI

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Melahirkan graduan bersahsiah murni yang mempunyai sikap kepimpinan dan daya tahan	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan program-program bagi memupuk nilai-nilai murni, sikap kepimpinan dan daya tahan</li> <li>- Memastikan ahli akademik terlibat secara langsung dalam penerapan nilai-nilai murni, kepimpinan dan daya tahan</li> <li>- Memantau program sahsiah murni, pelaksanaan dan pencapaian program kepimpinan dan daya tahan</li> </ul>	Dekan HEP Dekan Fakulti	Serta merta	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan Program</li> <li>- Bilangan kes disiplin</li> <li>- Anugerah / Pengiktirafan oleh pihak luar</li> </ul>

*bersambung di muka surat 30*

**M**ELAHIRKAN GRADUAN YANG KOMPETEN DAN BERSAHSIAH MURNI YANG MENJADI PILIHAN UTAMA INDUSTRI

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
2	Memastikan 100 peratus graduan sama ada mendapat pekerjaan, bekerja sendiri atau melanjutkan pelajaran dalam masa enam bulan selepas tamat pengajian	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menubuhkan unit kerjaya</li> <li>- Melaksanakan kursus persediaan kerjaya</li> <li>- Minggu kerjaya dan hari terbuka</li> <li>- Menawarkan pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran</li> </ul>	HEP	Serta merta	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan pelajar yang mendapat kerja</li> <li>- Bilangan program minggu kerjaya</li> <li>- Bilangan pelajar yang ditawarkan melanjut pelajaran</li> </ul>
3	Menghasilkan graduan-graduan yang menjadi pilihan utama syarikat Multi Nasional	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan program "soft skill"</li> <li>- Melantik panel penasihat industri</li> <li>- Pemasaran graduan ke syarikat Multi Nasional</li> <li>- Budayakan penguasaan bahasa Inggeris</li> </ul>	Jabatan Kokurikulum, Unit Kerjaya	Serta merta	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Maklum balas majikan tentang kualiti graduan</li> <li>- Bilangan graduan yang diambil bekerja</li> <li>- Bilangan program pemasaran</li> <li>- Bilangan panel industri</li> </ul>



# MENAWARKAN KURSUS-KURSUS PROFESIONAL, MULTI DAN INTER-DISIPLIN BERORIENTASIKAN APLIKASI

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Menawarkan program akademik yang paling memenuhi keperluan industri.	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengetahui pasti kursus keperluan industri dan tahap kompeten yang diperlukan</li> <li>- Menggubal kursus yang diperlukan</li> <li>- Memastikan setiap mata pelajaran teras mempunyai elemen amali dan aplikasi</li> </ul>	Dekan Fakulti	2004	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadar pengambilan kerja</li> <li>- Tempoh yang diambil untuk penyesuaian di tempat kerja.</li> <li>- Jumlah aduan dari pihak industri</li> </ul>
2	Menyediakan kemudahan amali setara dengan di industri di mana nisbah pelajar-kemudahan lebih baik dari piawai ditetapkan.	TR ( A ) TR ( P&PK )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengetahui pasti keperluan amali dan amalan industri</li> <li>- Menentukan nisbah peralatan yang sesuai dengan kos-efektif</li> <li>- Membangunkan modul amali dan praktikal yang berkesan</li> <li>- Menyediakan peruntukan dan membuat perancangan makmal</li> </ul>	Dekan Fakulti	2004	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nisbah pelajar - peralatan</li> <li>- Bilangan modul yang disediakan</li> <li>- Bilangan pelatih industri yang menggunakan peralatan</li> </ul>

bersambung di muka surat 32 hingga 33

# MENAWARKAN KURSUS-KURSUS PROFESIONAL, MULTI DAN INTER-DISIPLIN BERORIENTASIKAN APLIKASI

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
3	10 peratus pengajaran dikendalikan oleh ahli profesional dari industri menjelang 2006 dan 25 peratus menjelang 2010	TR (A)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenal pasti komponen pengajaran yang boleh di laksanakan oleh profesional industri</li> <li>- Mengenal pasti ahli profesional yang sesuai untuk dilantik</li> </ul>	Pendaftar, Dekan Fakulti	2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Peratusan pengajaran oleh ahli profesional</li> </ul>
4	Menawarkan program profesional secara bersepadu dalam setiap program akademik.	TR (A)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenal pasti rakan industri yang menawarkan persijilan profesional dan menyediakan kemudahan dan prasarana yang diperlukan</li> <li>- Menentukan sama ada kurikulum profesional adalah tambahan atau disepadukan dengan kurikulum sedia ada</li> <li>- Menyusun dan memantau peperiksaan profesional</li> <li>- Menubuhkan "student chapter" IEM</li> </ul>	Dekan Fakulti	2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan persijilan tambahan dalam setiap program akademik</li> <li>- Peratusan pensyarah dan pelajar yang mendapat persijilan profesional</li> <li>- Peratusan pensyarah dan pelajar yang menjadi ahli badan profesional</li> </ul>



OBJEKTIF 4



**MENAWARKAN KURSUS-KURSUS PROFESIONAL, MULTI DAN INTER-DISIPLIN  
BERORIENTASIKAN APLIKASI**

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
5	Memastikan kebanyakan Projek Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan berlandaskan penyelesaian masalah atau memenuhi keperluan industri	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan projek mata pelajaran, Bengkel1, Bengkel 2 dan Projek Sarjana Muda berasaskan masalah dan aplikasi industri</li> <li>- Menentukan tajuk dan projek Ijazah Lanjutan berkaitan dengan masalah industri</li> <li>- Mendapatkan input dari industri bagi mendapatkan masalah dan tajuk yang perlu diselesaikan</li> </ul>	Dekan Fakulti, UNIC	2004	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Peratusan projek yang berasaskan masalah industri</li> <li>- Peratusan projek yang mendapat pembiayaan atau kerjasama industri</li> </ul>



**M**ENYEDIAKAN KURIKULUM YANG MENCERMINKAN SEMUA DIMENSI DISIPLIN  
 YANG MENGGALAKKAN PEMIKIRAN KRITIS, PENYELESAIAN MASALAH, KERJA  
 BERPASUKAN DAN KEMASYARAKATAN .

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Menghasilkan profesional serba boleh dan belajar berterusan melalui program akademik.	TR ( A )	Melantik Panel Penasihat kurikulum - Melantik pemeriksa luar di kalangan profesional - Kajian semula kurikulum setiap tiga tahun	Dekan Fakulti	2001-2005	- Maklum balas industri terhadap kurikulum yang dibangunkan - Bilangan panel penasihat yang dibentuk serta keahliannya dikalangan pengamal profesional - Maklum balas pemeriksa luar
2	Melahirkan graduan yang peka terhadap keperluan masyarakat, progresif dan berpandangan positif serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan hasil daripada program kegiatan pelajar dan kokurikulum.	TR ( A )	- Program latihan kepimpinan - Kajian semula dan penambahbaikan program Kokurikulum - Program khidmat masyarakat - Mendapatkan maklum balas daripada pihak sektor awam atau swasta terhadap keupayaan graduan. - Melatih pelajar ke arah melibatkan diri dan aktif dalam persatuan - Mengadakan latihan khidmat masyarakat	Jabatan Kokurikulum, HEP	2004-2010	- Bilangan program - Bilangan pemimpin NGO / masyarakat yang dilahirkan - Pengiktirafan oleh organisasi luaran

bersambung di muka surat 35



**MENYEDIAKAN KURIKULUM YANG MENCERMINKAN SEMUA DIMENSI DISIPLIN YANG MENGGALAKKAN PEMIKIRAN KRITIS, PENYELESAIAN MASALAH, KERJA BERPASUKAN DAN KEMASYARAKATAN .**

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melatih pelajar ke arah melibatkan diri dan aktif dalam persatuan</li> <li>- Mengadakan latihan khidmat masyarakat</li> </ul>			
3	Terkenal sebagai institusi yang melahirkan tekno-usahawan yang berjaya di kalangan graduannya.	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengendalian latihan keusahawanan</li> </ul>	HEP, IPTK	2004	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Peratusan pelajar yang menjadi usahawan</li> </ul>

**MEMPUNYAI STAF YANG KOMPETEN DAN BERKELAYAKAN TINGGI SERTA MEMILIKI PENGALAMAN PRAKTIKAL YANG LUAS.**

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Menjelang tahun 2010, 50 peratus kakitangan akademik KUTKM mempunyai Ph.D	Pejabat Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merancang "career path" bagi staf akademik dan pentadbiran</li> <li>- Peluang kerjaya staf KUTKM</li> <li>- Merancang penghantaran staf Akademik bercuti belajar</li> <li>- Melahirkan staf yang profesional dalam disiplin tertentu</li> <li>- Kerjasama dengan industri dalam dan luar negara</li> <li>- Mewujudkan Skim Latihan dalam dan luar negara bagi staf akademik dan pentadbiran</li> </ul>	Pejabat Pendaftar	2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Peratusan staf mendapat Ph.D</li> <li>- Peratusan pensyarah kejuruteraan mendapat P.E</li> <li>- Bilangan hari latihan setiap staf</li> </ul>
2	Semua kakitangan akademik menjadi ahli kumpulan profesional mereka					
3	50 peratus pensyarah kejuruteraan mendapat status P.E dalam masa 10 tahun berkhidmat di KUTKM					

bersambung di muka surat 37 hingga 38

**MEMPUNYAI STAF YANG KOMPETEN DAN BERKELAYAKAN TINGGI SERTA MEMILIKI PENGALAMAN PRAKTIKAL YANG LUAS.**

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
4	Menyediakan kumpulan staf yang kompeten dan mempunyai kepakaran maksimum dalam bidang masing-masing sebelum mempelajari bidang lain bagi membangunkan universiti dalam jangka panjang	Pejabat Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan staf mencapai tahap kompeten / kepakaran maksimum dalam bidang masing-masing sebelum mempelajari bidang lain bagi membangunkan universiti dalam jangka masa panjang.</li> <li>- Staf memenuhi latihan sekurang-kurangnya 40 jam setahun</li> <li>- Staf akademik menghasilkan sekurang-kurangnya satu penyelidikan setahun.</li> <li>- Mencapai anugerah peringkat perdana atau antarabangsa</li> </ul>	Pejabat Pendaftar	2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan anugerah yang diterima oleh staf</li> </ul>
5	Semua staf memberikan perkhidmatan berkualiti berfokuskan kepada pelanggan	Pejabat Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan program-program yang berkaitan dengan sumber manusia yang memenuhi keperluan "stakeholder" (universiti dan agensi pusat)</li> </ul>	Pejabat Pendaftar	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan aduan setiap staf</li> <li>- Jumlah Pengiktirafan di terima</li> </ul>

**M**EMPUNYAI STAF YANG KOMPETEN DAN BERKELAYAKAN TINGGI SERTA MEMILIKI PENGALAMAN PRAKTIKAL YANG LUAS.

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengadakan "assessment centre" / pemilihan secara terperinci / laman web <i>Mentor-mentee</i>.</li> <li>- Pengiktirafan badan profesional/ kepakaran berkekal/budaya saing.</li> <li>- Sistem pengurusan kualiti dan membuat kajian berkualiti.</li> <li>- Menggalakkan konsep kerja berpasukan.</li> <li>- Mewujudkan jawatankuasa keutuhan universiti.</li> <li>- Mewujudkan jawatankuasa pemandu bagi pelaksanaan arahan kerajaan dan mengesan kelemahannya.</li> <li>- Mengadakan skim tertentu, contohnya SLKU</li> <li>- Menambah tenaga pakar luar</li> <li>- Menyediakan Panduan kerja antaranya Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Buku Panduan, pekeliling JPSM, Justifikasi tugas, piagam pelanggan dan taklimat.</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan surat kepujian diterima</li> <li>- Maklum balas kepuasan pelanggan</li> </ul>



**M**ENERAJUI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ( P&P ) DAN PERUNDINGAN YANG BERLANDASKAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI.

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1.	Menjelang 2010, 50 peratus tenaga akademik adalah penyelidik yang produktif	Rektor	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan peruntukan kewangan latihan mencukupi</li> <li>- Perancangan tenaga manusia yang mantap</li> <li>- Memilih calon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai staf akademik KUTKM</li> <li>- Melantik lebih ramai pensyarah kontrak pada peringkat awal</li> <li>- Mengemas kini sistem kenaikan pangkat agar memberi lebih penekanan kepada penyelidikan dan penerbitan</li> <li>- Memastikan beban kerja yang seimbang</li> </ul>	TR ( A )	Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nisbah paten staf</li> <li>- Bilangan penerbitan dalam jurnal antarabangsa setiap staf</li> <li>- Peratusan staf terlibat dengan penyelidikan berbentuk kerjasama antara institusi</li> <li>- Peratusan staf akademik yang ada geran penyelidikan</li> </ul>
		TR ( A )		TR ( P&PK )	Tahunan	
				Dekan	Tahunan	
				Dekan	Tahunan	
				Dekan	2005	
	Dekan	Tahunan				

bersambung di muka surat 40 hingga 42





**M**ENERAJUI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ( P&P ) DAN PERUNDINGAN YANG BERLANDASKAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI.

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
2	Mewujudkan 10 pusat kecemerlangan penyelidikan dalam bidang teknikal termaju	TR ( A )	- Pemasaran program penyelidikan ditingkatkan, dalam dan luar negeri.	TD ( PPS )	Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan pusat kecemerlangan</li> <li>- Peratusan graduan lepasan ijazah</li> <li>- Bilangan pengiktirafan terhadap penyelidikan dan ciptaan staf KUTKM</li> <li>- Bilangan rakan kongsi di kalangan industri</li> </ul>
		TR ( A )	- Mendapatkan pengiktirafan universiti luar (terutama negara maju) terhadap ijazah lanjutan yang dianugerahi KUTKM.	Dekan	2010	
		Fakulti	- Meningkatkan bilangan geran penyelidikan.	TD ( PPS )	2005	
		Fakulti	- Meningkatkan kecekapan penyeliaan calon ijazah tinggi	TD ( PPS )	Tahunan	
		TR ( P&PK )	- Menyediakan kemudahan prasarana seperti asrama dll. kepada pelajar pasca siswazah.	Ketua Pembangunan dan Pengurusan Aset	2010	
		UNIC & Fakulti	- Meningkatkan kecekapan pemrosesan permohonan pelajar pasca siswazah - Meningkatkan kecekapan pelantikan pemeriksa dalam dan luar.	TD ( PPS )	Tahunan	



**MENERAJUI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ( P&P ) DAN PERUNDINGAN YANG BERLANDASKAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI.**

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
3	Membangunkan teknologi yang dapat dimanfaatkan oleh industri Malaysia melalui penyelidikan gunaan / asas.	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Meningkatkan bilangan projek penyelidikan.</li> <li>- Mewujudkan 'research leaders' yang mampu mengurus aktiviti R&amp;D serta membimbing penyelidik muda.</li> <li>- Mewujudkan kerjasama strategik dengan industri untuk menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan secara bersama.</li> <li>- Mengadakan bengkel 'harta intelek' secara berkala kepada staf akademik.</li> </ul>	<p>TD ( PPS )</p> <p>TD ( PPS )</p> <p>UNIC</p> <p>Dekan</p>	<p>2010</p> <p>2010</p> <p>2010</p> <p>2010</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan paten</li> <li>- Bilangan dapatan yang dikomersialkan</li> <li>- Bilangan anugerah</li> </ul>



**MENERAJUI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ( P&P ) DAN PERUNDINGAN YANG BERLANDASKAN PENYELESAIAN MASALAH INDUSTRI.**

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
4	10 peratus penyelidikan adalah melalui kerjasama atau dibiayai oleh agensi antarabangsa.	TR ( A ) TR ( P&PK )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Meningkatkan pemasaran kepakaran dan kemudahan peralatan yang ada di fakulti</li> <li>- Menjalankan penyelidikan yang dibiayai oleh agensi antarabangsa.</li> </ul>	UNIC TD ( PPS )  Dekan TD ( PPS )	2010   2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan penyelidikan yang dibiayai agensi antarabangsa</li> </ul>

# MENGADAKAN INFRASTRUKTUR DAN PERSEKITARAN KONDUSIF UNTUK:

- PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN
- PERHUBUNGAN DAN KERJASAMA UNIVERSITI-INDUSTRI
- PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN GUNAAN
- LATIHAN INDUSTRI SECARA DALAMAN
- PERUNDINGAN DAN PENDIDIKAN SECARA BERTERUSAN
- PERSEKITARAN KERJA YANG ENDAH DAN MESRA

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Melaksanakan sepenuhnya <i>e-university</i> pada tahun 2010 iaitu pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran dan kemudahan asas	TR (P&PK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merancang pembangunan tersusun</li> <li>- Mengguna pakai kemudahan ICT secara menyeluruh.</li> <li>- Mewujudkan sistem <i>e-learning</i>.</li> <li>- Mengadakan pangkalan data yang terkini dan berintegrasi.</li> </ul>	Ketua Pembangunan dan Pengurusan Aset, Pengarah Pusat Komputer	2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Peratusan kegiatan pentadbiran diupayakan oleh ICT</li> <li>- Peratusan kegiatan pengajaran dan pembelajaran diupayakan oleh ICT</li> </ul>

bersambung di muka surat 44 hingga 45

# MENGADAKAN INFRASTRUKTUR DAN PERSEKITARAN KONDUSIF

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
2	Mewujudkan kampus sejahtera dan mesra pelanggan menjelang 2008	Rektor	Memahami kehendak dan keperluan pelanggan ( Dalaman dan Luaran ) - Kampus terbuka.	TR ( -A ), TR ( P & PK ), Dekan, Pendaftar	2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepuasan pelanggan</li> <li>- Kadar kemalangan / jenayah</li> <li>- Kemudahan untuk golongan istimewa</li> </ul>
3	Menyediakan kemudahan-kemudahan yang membawa kepada budaya kerja positif.	TR ( P&PK )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenal pasti mekanisme yang boleh memberi manfaat kepada semua pihak.</li> <li>- Mengadakan acara-acara yang boleh merapatkan hubungan antara staf.</li> <li>- Latihan dan seminar motivasi.</li> </ul>	Pendaftar	2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Meningkatkan produktiviti</li> <li>- Kadar kehadiran staf</li> </ul>



OBJEKTIF 8

# MENGADAKAN INFRASTRUKTUR DAN PERSEKITARAN KONDUSIF

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
4	Mewujudkan infrastruktur dan kemudahan yang membolehkan kerjasama dengan pihak industri.	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"><li>- Menyediakan peralatan makmal yang terkini dan memenuhi keperluan industri.</li><li>- Mengadakan pertukaran staf universiti dan industri.</li><li>- Mengadakan jalinan kerjasama dengan industri dari segi khidmat juru runding</li></ul>	UNIC, IPTK, Dekan Fakulti	2010	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kekerapan industri menggunakan kemudahan KUTKM.</li><li>- Bilangan industri beroperasi dari KUTKM</li></ul>

# MENGADAKAN PERKONGSIAN PINTAR UNIVERSITI-INDUSTRI DALAM:

- PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
- PEMBANGUNAN KURSUS DAN MAKMAL
- PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PERUNDINGAN
- INKUBATOR DAN KILANG PENGAJARAN
- LATIHAN INDUSTRI

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
1	Pendaftaran 10 paten dan pengkomersialan 10 peratus daripada penemuan penyelidikan menjelang 2010	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan penekanan yang lebih kepada aktiviti pengkomersialan</li> <li>- Mengukuhkan kepakaran di KUTKM</li> </ul>	Dekan Fakulti, UNIC	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan paten</li> <li>- Jumlah pendapatan</li> </ul>
2	Memastikan 30 peratus daripada geran penyelidikan di sumbang oleh industri menjelang 2010	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggalakkan kegiatan aktif dalam membina rakan kerjasama dengan industri dan perniagaan</li> <li>- Membangunkan strategi industri untuk semua aktiviti penyelidikan di fakulti dan pusat</li> </ul>	Dekan Fakulti, UNIC	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan projek</li> <li>- Jumlah geran</li> </ul>

bersambung di muka surat 47



# MENGADAKAN PERKONGSIAN PINTAR UNIVERSITI-INDUSTRI

No	Sasaran	Pemilik Proses	Pelan Tindakan	Pegawai Unit Operasi	Tarikh Pelaksanaan	Penunjuk Prestasi
3	Membangun serta melaksana secara kerjasama program latihan untuk industri bagi penjanaan pendapatan.	TR ( A )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenal pasti industri / institusi</li> <li>- Membentuk rangkaian dengan Industri</li> </ul>	Dekan Fakulti, UNIC	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bilangan program</li> <li>- Jumlah hasil</li> </ul>
4	Menjana pendapatan dari penyelidikan dan perundingan berjumlah 5 peratusan daripada belanja mengurus menjelang 2010	TR ( P&PK )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenal pasti kepakaran dan rakan strategik</li> <li>- Mengukuhkan dan mengembang program 'teaching factory'</li> </ul>	Dekan Fakulti, UNIC	2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah pendapatan</li> </ul>



## DAFTAR KATA

BJKA	:	Bahagian Jaminan Kualiti dan Akreditasi
BPKA	:	Bahagian Perhubungan Korporat dan Antarabangsa
EAC	:	Engineering Accreditation Council
HEP	:	Hal Ehwal Pelajar
IEM	:	Institution of Engineers Malaysia
IPTK	:	Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan
JPA	:	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPSM	:	Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia
KUTKM	:	Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
NGO	:	Non Government Organization
P.E	:	Professional Engineer
QA	:	Quality Assurance
SLKU	:	Skim Latihan Khas Universiti
TR (A)	:	Timbalan Rektor (Akademik)
TR (P & PK)	:	Timbalan Rektor (Pembangunan dan Perancangan Korporat)
TD (PPS)	:	Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah)
UNIC	:	Pusat Universiti Industri
UPU	:	Unit Pusat Universiti